

# Beramamal melalui hamper

**SIAPA** yang tidak suka menerima hamper? Untuk apa jua sambutan atau majlis, hamper pasti jadi pilihan sebagai tanda pemberian dan ingatan daripada kenalan.

Sempena sambutan Natal tahun ini, Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan (NKF) mengadakan jualan hamper bagi meraih dana untuk pesakitnya.

Disertakan dalam bakul berhias cantik, pakej hamper NKF ini antara inisiatif mengumpul dana bagi menyokong rawatan pesakit buah pinggang yang tidak berkemampuan.

Berminat untuk mendapatkannya, boleh layari laman sesawang NKF, [www.nkf.org.my](http://www.nkf.org.my), atau hubungi menerusi e-mel di [fundraising@nkf.org.my](mailto:fundraising@nkf.org.my).

